

# MUSA MAHU JENTERA DAERAH DIPERBAIKI

**KOTA BAHARU, Jumaat** — Datuk Musa Hitam hari ini menggesa Kerajaan-Negeri supaya memperkemas dan meningkatkan kecekapan jentera pentadbiran di peringkat daerah bagi memastikan projek-projek pembangunan luar bandar berjalan lancar.

Timbalan Perdana Menteri berkata, pada masa ini masih terdapat masalah penyelarasan dan kerjasama antara berbagai agensi Kerajaan di peringkat daerah. Berucap merasmikan

Bengel Pembangunan Negeri Kelantan di Kem Kijang, beliau berkata, antara langkah yang perlu diambil ialah melaksanakan konsep pejabat daerah contoh.

Menurutnya, melalui konsep tersebut, Kerajaan mahu menitikberatkan penerapan sistem-sistem yang menonjolkan pentadbiran bersih, cekap dan amanah, sebagai model bagi dicontohi di seluruh negara.

Malangnya, ujar beliau, walaupun konsep itu dipersetujui oleh Kerajaan-Kerajaan Negeri, hanya beberapa daerah sahaja yang cuba

melancarkannya.

Datuk Musa berharap, ia akan dilaksanakan segera memandangkan Menteri-Menteri Besar, dalam mesyuaratnya yang lalu, bersetuju bertindak mewujudkan dan memperluaskan pejabat daerah contoh di negeri masing-masing dengan melaksanakan pentadbiran di atas landasan bersih, cekap dan amanah.

Mengenai negeri Kelantan, beliau berharap, Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) akan dapat memainkan peranan yang berkesan untuk rakyat.

Menurutnya, Kesedar hendaklah menumpukan perhatian terhadap mempelajari rahsia-rahsia kejayaan dan kegagalan agensi-agensi pembangunan wilayah yang ditubuhkan di negeri-negeri lain.

Beliau memberi contoh, Kerajaan berpendapat, bangunan-bangunan kedai yang hendak dibina di bandar-bandar baru, tidak semestinya dibangunkan mengikut ukuran mutu di bandar-bandar besar dengan diperbuat dari simen dan bata.

"Memadallah dengan kaedah mudah, cepat dan murah dibina kerana ia bukan sahaja menjimatkan kos, tetapi mendorong seseorang yang diberi kemudahan untuk meningkatkan mutu bangunan yang setimpal dengan kemajuan perniagaannya," ujarnya.

Timbalan Perdana Menteri juga berpendapat, agensi-agensi pembangunan wilayah hendaklah menyerahkan setengah-setengah projeknya kepada pihak swasta untuk dilaksanakan.

Dengan itu, agensi-agensi pembangunan wilayah dapat menumpukan perhatian kepada projek-projek lain yang lebih sesuai dijalankan oleh mereka sendiri.

---

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia